



FOKUS

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
rencana@hmetro.com.my

ABAI SAKIT DEMI ILMU

Pengorbanan ketika di England berbaloi selepas bergelar Profesor, tabur bakti pada anak watan

Jam dinding sudah menunjukkan jam 2 pagi, seorang lelaki masih mundar-mandir dalam kedai serbaneka di tengah-tengah bandar Bristol, England.

Langkahnya kekok, kakinya seakan jalan 'mengangkang,' namun digagahi demi tanggungjawab sebagai penyelia sambilan di situ.

Ada harinya dia melayani permintaan pelanggan yang mahu membeli minuman dan makanan, adakalanya sekadar bicara berbahasa-basi dengan pelanggan yang datang mencari rokok.

Begitulah rutin hujung minggu Profesor Ts Dr Zaidi Embong yang bermula dari

tengah malam hingga awal pagi sekitar tahun 2004 hingga 2008.

Dia terpaksa bekerja sambil belajar bagi menyara nafkah diri dan keluarganya serta memburu segulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Fizik di University of Bristol, England.

Dengan beroleh upah kira-kira RM 2,729 (500 pound sterling) sebulan dia tidak betah membiarkan kesakitan dialaminya untuk mengalah.

Meskipun sudah menerima biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)



DR Zaidi (kiri sekali di barisan depan) bersama staf kedai ketika di Bristol.

sebanyak RM 3,821 (700 pound sterling) sebulan, namun beliau terpaksa melakukan kerja sambilan kerana kos sara hidup yang tinggi.

Rutin pekerjaannya itu dijalani selama empat tahun hinggalah berjaya menamatkan pengajian PhD pada usia 34 tahun.

Namun ketika itu, pada fikirannya kesakitan kaki ditanggungnya itu dianggap sakit biasa.

Sehinggalah pada tahun ketiga pengajian PhD di sana, dia disahkan menghidap penyakit jarang ditemui iaitu Miyoshi Dystrophy yang menyebabkan otot semakin mengecil dari semasa ke semasa.

Rupa-rupanya apabila diimbak kembali, penyakit dialaminya itu sudah menunjukkan tanda-tanda sejak belajar di Sekolah Menengah Tinggi Melaka lagi.